KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

# Pendidikan Khas Johor: Setiap Murid Berhak Berkembang




# 17,936

## MBPK setakat 31 Julai 2026

**Peningkatan 67.3% berbanding tahun 2021**

Pendidikan khas menyediakan akses, sokongan dan laluan pendidikan yang bersesuaian dengan potensi serta keperluan individu.

Sektor Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri Johor

# Evolusi Dasar Pendidikan MBPK

**1996**

**Hak Pendidikan**

Pendidikan wajib merangkumi semua murid. (Akta Pendidikan 550)

**2013**

**Redefinisi**

Pendidikan Khas rasmi dipecahkan kepada tiga ekosistem: SPK, PPKI, dan PPI.

**2019**

**Akses Mutlak**

Tiada penolakan penempatan sekolah untuk MBPK (Zero Reject Policy).

**2022**

**Anjakan Paradigma Istilah**

Penjenamaan rasmi daripada MBK kepada MBPK.

**2026-2035**

**Ekosistem Terangkum**

Penyatuan tanggungjawab seluruh warga sekolah (Rancangan Pendidikan Malaysia).

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

# Definisi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)

## Definisi Rasmi MBPK

Murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi.

### BL — Ketidakupayaan **Penglihatan**

Melibatkan ketidakupayaan deria utama dan komunikasi murid.

### DE — Ketidakupayaan **Pendengaran**

Melibatkan ketidakupayaan deria utama dan komunikasi murid.

### SD — Ketidakupayaan **Pertuturan**

Melibatkan ketidakupayaan deria utama dan komunikasi murid.

### PH — Ketidakupayaan **Fizikal**

Melibatkan aspek motor kasar/halus dan keupayaan kognitif murid.

### LD — **Masalah Pembelajaran**

Melibatkan aspek motor kasar/halus dan keupayaan kognitif murid.

### MD — Ketidakupayaan **Pelbagai**

Mana-mana gabungan kategori ketidakupayaan yang telah dinyatakan.

Peraturan 3 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 [*P.U. (A) 230/2013*].

**Setiap MBPK berhak mendapat akses pendidikan yang bersesuaian dan sokongan intervensi yang sistematik.**

# Laluan Pendidikan Khas di Malaysia

## 1

### Sekolah Pendidikan Khas (SPK)

Sekolah yang dikhaskan sepenuhnya untuk murid berkeperluan pendidikan khas.

## 2

### Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)

Program khas yang ditempatkan di dalam sekolah harian biasa (arus perdana).

## 3

### Program Pendidikan Inklusif (PPI)

MBPK belajar bersama murid arus perdana di dalam kelas yang sama.



# Pendidikan Khas di Daerah Muar: Senarai Sekolah



**37**

Jumlah sekolah yang menawarkan Pendidikan Khas & PPKI di Daerah Muar




## 1 Sekolah Pendidikan Khas

Terdapat satu sekolah yang dikhususkan sepenuhnya untuk pendidikan khas.




## 24 Sekolah Rendah (PPKI)

Terdiri daripada Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).




## 12 Sekolah Menengah (PPKI)

Termasuk Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan sebuah Sekolah Tinggi.

# CARTA PROGRAM PENDIDIKAN KHAS DI DAERAH MUAR

*Menyokong Pendidikan Inklusif, Membina Masa Depan Gemilang*

## SPK — SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS

Memberi pendidikan khas sepenuhnya kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas.

JUMLAH SEKOLAH **1**

### SENARAI SEKOLAH

| BIL | KOD SEKOLAH | NAMA SEKOLAH |
|---|---|---|
| 1 | JBA5094 | SK PENDIDIKAN KHAS MUAR |



Fokus kepada pembangunan potensi murid secara menyeluruh dalam persekitaran pembelajaran khas.

- Persekitaran Khas
- Sokongan Menyeluruh
- Pembangunan Potensi
- Kualiti Hidup Lebih Baik

## PPKI — PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI

Murid berkeperluan khas mengikuti pendidikan khas secara integrasi di sekolah arus perdana.

JUMLAH SEKOLAH RENDAH **24**

JUMLAH SEKOLAH MENENGAH **12**

### SENARAI SEKOLAH

#### RENDAH (24 SEKOLAH)

| | | |
|---|---|---|
| 1 | JBA5001 | SK BUKIT NANING |
| 2 | JBA5007 | SK BAKRI BATU 5 |
| 3 | JBA5024 | SK KAMPONG BAHRU |
| 4 | JBA5034 | SK PARIT KEROMA DARAT |
| 5 | JBA5036 | SK PARIT PINANG SERIBU |
| 6 | JBA5037 | SK PARIT SETONGKAT |
| 7 | JBA5040 | SK PARIT BAKAR TENGAH |
| 8 | JBA5042 | SK PARIT ZAIN |
| 9 | JBA5043 | SK PARIT JAWA |
| 10 | JBA5046 | SK PARIT PECHAH |
| 11 | JBA5056 | SK PEKAN PAGOH |
| 12 | JBA5057 | SK PEKAN BAHARU |
| 13 | JBA5067 | SK SIMPANG JERAM |
| 14 | JBA5069 | SK SERI JONG |
| 15 | JBA5071 | SK PARIT NO. 5 |
| 16 | JBA5084 | SK ORANGKAYA ALI |
| 17 | JBA5095 | SK SUNGAI ABONG |
| 18 | JBB5030 | SK ISMAIL SATU |
| 19 | JBB5033 | SK SULTAN ABU BAKAR (1) |
| 20 | JBB5037 | SK SRI BUKIT PASIR |
| 21 | JBB5038 | SK KOTA RAJA |
| 22 | JBC5009 | SJK(C) CHIN KWANG WAHYU |
| 23 | JBC5012 | SJK(C) CHUNG HWA 1 A |
| 24 | JBC5041 | SJK(C) PU NAN |

#### MENENGAH (12 SEKOLAH)

| | | |
|---|---|---|
| 1 | JEA5022 | SMK DATO' SRI AMAR DI RAJA (INTEG) |
| 2 | JEA5024 | SMK RAJA MUDA |
| 3 | JEA5028 | SMK BUKIT PASIR |
| 4 | JEA5032 | SMK PEKAN BARU MUAR |
| 5 | JEA5035 | SMK TUN DR ISMAIL (STUDI) |
| 6 | JEA5036 | SMK BUKIT NANING |
| 7 | JEA5039 | SMK SUNGAI ABONG |
| 8 | JEB5021 | SEKOLAH TINGGI MUAR |
| 9 | JEE5023 | SMK TENGKU MAHKOTA |
| 10 | JEE5027 | SMK SULTAN ALAUDDIN RIAYAT SHAH 1 |
| 11 | JEE5030 | SMK LENGA |
| 12 | JEE5031 | SMK TUN SULAIIMAN NINAM SHAH |



*Integrasi, Inklusif, Berpotensi!*

## PPI — PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF

Murid berkeperluan khas belajar bersama rakan sebaya di sekolah arus perdana dengan sokongan yang bersesuaian.

JUMLAH SEKOLAH RENDAH **34**

JUMLAH SEKOLAH MENENGAH **11**

### SENARAI SEKOLAH

#### RENDAH (34 SEKOLAH)

| | | |
|---|---|---|
| 1 | JBA5006 | SK BAKRI BATU 2 |
| 2 | JBA5013 | SK BUKIT KEPONG |
| 3 | JBA5018 | SK DUMPAR |
| 4 | JBA5020 | SK GOMBANG |
| 5 | JBA5023 | SK JORAK |
| 6 | JBA5029 | SK KAMPONG RAJA |
| 7 | JBA5030 | SK LENGA |
| 8 | JBA5033 | SK PARIT KEROMA |
| 9 | JBA5035 | SK PARIT RAJAi |
| 10 | JBA5054 | SK PAYA REDAN |
| 11 | JBA5055 | SK PAYA PANJANG |
| 12 | JBA5056 | SK PEKAN PAGOH |
| 13 | JBA5062 | SK RENCHONG |
| 14 | JBA5070 | SK SERI BUKIT BATU |
| 15 | JBA5090 | SK TEMIANG |
| 16 | JBB5035 | SK CONVENT (M) |
| 17 | JBC5001 | SJK(C) AI HWA |
| 18 | JBC5007 | SJK (C) CHI SIN |
| 19 | JBC5011 | SJK(C) CHIN TERH |
| 20 | JBC5013 | SJK(C) CHUNG HWA 1 B |
| 21 | JBC5017 | SJK(C) CHUNG HWA PRESBYTERIAN |
| 22 | JBC5021 | SJK(C) CHUNG HWA |
| 23 | JBC5026 | SJK(C) LIMBONG |
| 24 | JBC5036 | SJK (C) PEI CHAI |
| 25 | JBC5039 | SJK(C) PEI YANG |
| 26 | JBC5040 | SJK(C) PENGKALAN BUKIT |
| 27 | JBC5043 | SJK(C) RENCHONG |
| 28 | JBC5046 | SJK(C) SING HWA |
| 29 | JBC5047 | SJK(C) SIN MING |
| 30 | JBC5048 | SJK(C) SOON CHENG |
| 31 | JBC5054 | SJK(C) YU JERN |
| 32 | JBC5055 | SJK(C) YU MING |
| 33 | JBD5088 | SJK (T) LADANG TEMIANG RENCHONG |
| 34 | JCT5001 | SEKOLAH RENDAH AGAMA BERSEPADU MUAR |

#### MENENGAH (11 SEKOLAH)

| | | |
|---|---|---|
| 1 | JEA5021 | SMK SERI MENANTI |
| 2 | JEA5023 | SMK TUN PERAK |
| 3 | JEA5037 | SMK BANDAR MAHARANI |
| 4 | JEA5041 | SMK FELCRA BUKIT KEPONG |
| 5 | JEA5042 | SMK PAGOH PERDANA |
| 6 | JEB5022 | SMK ST ANDREW |
| 7 | JEB5024 | SMK SRI MUAR |
| 8 | JEB5025 | SMK(P) SULTAN ABU BAKAR |
| 9 | JFT5001 | SEKOLAH MENENGAH AGAMA AD-DINIAH |
| 10 | JRA5037 | SMK AGAMA PAGOH |
| 11 | JRA5038 | SMK AGAMA HAJI MOHD YASSIN |



## RINGKASAN KESELURUHAN

- SPK: 1 SEKOLAH
- PPKI: 36 SEKOLAH
- PPI: 45 SEKOLAH

"Bersama JPN, PPD, sekolah dan komuniti, kita pastikan setiap murid berpeluang mencapai potensi sepenuhnya."

### Matlamat Kita

Memberi peluang pendidikan yang saksama, berkualiti dan bermakna kepada semua Murid Berkeperluan Pendidikan Khas.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

SpecEdu

# Fungsi Sektor Merangkumi Keseluruhan Perjalanan Pendidikan MBPK

Perjalanan Pendidikan yang Berterusan →

Pengesanan awal → Akses pendidikan → Sokongan pembelajaran → Pembangunan bakat → Transisi

**Sektor Pendidikan Khas:**
Merancang hala tuju, menyelaras dasar, memantau pelaksanaan, menganalisis data dan mengenal pasti keperluan sumber.

**Unit Pengurusan Pendidikan Khas:**
Menyokong pelaksanaan Sekolah Pendidikan Khas, PPKI dan PPI; kurikulum, RPI, penempatan, data, sumber, latihan serta bimbingan sekolah.

**Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK):**
Melaksanakan saringan, penilaian, intervensi, konsultasi, kesediaan ke sekolah dan khidmat sokongan mengikut bidang khusus.

# Pertumbuhan Enrolmen MBPK Mendahului Pertambahan Kapasiti Sokongan

Perbandingan pertumbuhan antara tahun 2021 dengan 31 Julai 2026




**Rumusan:** Pertambahan kelas, guru dan PPM belum berkembang seiring dengan peningkatan enrolmen MBPK.

# MAKLUMAN BERKAITAN PENEMPATAN MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS (MBPK) DI PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (PPKI) DAN PROGRAM PENDIDIKAN INKUSIF (PPI) PENUH

RUJUKAN :

1. SURAT JPNJ - JPNJ.600-8/2/8(83) BERTARIKH 11 SEPTEMBER 2025
2. SURAT PPD MUAR - PPDMUR.600-2/5/1( ) BERTARIKH 22 SEPTEMBER 2025

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak
80604, Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim

Telefon : 07-231 0000
Pengarah : 07-231 0198
Timbalan : 07-231 0191
Faks : 07-234 7132
Laman Web : www.jpnjohor.moe.gov.my
E-mel : jpn.johor@moe.gov.my

Ruj Kami : JPNJ.600-8/2/8 (83)
Tarikh : 11 September 2025

**Pengetua dan Guru Besar**
**Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)**

**Sekolah-sekolah Negeri Johor**

Tuan,

**MAKLUMAN BERKAITAN PENEMPATAN MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS (MBPK) DI PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (PPKI) DAN PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF (PPI) PENUH**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Pendidikan Khas Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Johor bersama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Bil. 2 Tahun 2025 telah memutuskan bahawa penempatan MBPK di PPKI akan dilaksanakan sebanyak dua (2) kali setahun iaitu pada bulan Jun dan Disember sahaja, khusus bagi kes baharu.

3. Ketetapan ini adalah bertujuan untuk menguruskan kepadatan penempatan murid di PPKI secara lebih sistematik. Walau bagaimanapun, pengecualian hanya akan diberikan bagi kes-kes tertentu seperti isu keselamatan dan hal-hal berkeperluan mendesak yang akan dipertimbangkan dari semasa ke semasa.

4. Pada masa yang sama, pihak sekolah digalakkan untuk mengutamakan penempatan MBPK dalam Program Pendidikan Inklusif Penuh (PPI) sekiranya murid tersebut tidak mempunyai tingkah laku yang berat. Langkah ini bukan sahaja dapat menyokong hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan peratusan inklusif, tetapi juga memberi peluang kepada MBPK untuk membangun potensi diri bersama murid arus perdana dalam persekitaran yang lebih inklusif dan holistik.

5. Sehubungan itu, pihak sekolah diminta untuk mengambil maklum perkara ini, membuat perancangan iaitu unjuran keperluan fizikal dan kesediaan peluasan kelas PPKI, dan memastikan segala permohonan baharu penempatan MBPK diselaraskan mengikut ketetapan yang telah diputuskan.

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
**Pejabat Pendidikan Daerah Muar**
**Jabatan Pendidikan Negeri Johor**
JKR 242, Jalan Arab,
84000 Muar, Johor Darul Ta'zim

*Tel. : 06 – 9511780*
*Faks : 06 – 9511590*
*E-mel : ppd_muar@moe.gov.my*
*Web : www.ppdmuar.my*

Ruj.Kami : PPDMUR.600-2/5/1 ( )
Tarikh : 22 September 2025

Pengetua / Guru Besar,
Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)
Sekolah-sekolah Daerah Muar.

Tuan,

**MAKLUMAN BERKAITAN PENEMPATAN MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS (MBPK) DI PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (PPKI) DAN PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF (PPI) PENUH**

Dengan segala hormatnya, surat dari Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Rujukan: JPNJ.600-8/2/8 (83) bertarikh 11 September 2025 adalah dirujuk dan dilampirkan bersama.

2. Berdasarkan surat tersebut, pihak sekolah dikehendaki mengambil maklum berkaitan penempatan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI) Penuh.

3. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah hendaklah mengambil tindakan dan membuat perancangan seperti yang telah dinyatakan.

4. Sebarang pertanyaan sila hubungi, Tuan Haji Mohd Johan Bin A Rahman / Tuan Haji Fadzil Bin Mohd Amin (Penolong PPD Pendidikan Khas, Pejabat Pendidikan Daerah Muar) di talian 06-9511780. Kerjasama dan perhatian pihak tuan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**RAHMAN @ ABDUL RAHMAN BIN SELAMAT**
Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Muar
Johor Darul Ta'zim

sk: Fail.

# Dasar Baharu Penempatan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di Johor

Jabatan Pendidikan Negeri Johor memperkenalkan arahan baharu untuk menyeragamkan penempatan MBPK ke Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan menggalakkan Program Pendidikan Inklusif Penuh (PPI), berkuat kuasa 2025.

## Penempatan Baharu PPKI Bermula 2025

### Proses Penempatan Lebih Sistematik



Penetapan ini bertujuan untuk menguruskan kepadatan penempatan murid di PPKI secara seragam.

### Pengambilan Dua Kali Setahun Sahaja




Penempatan baharu MBPK hanya akan dilaksanakan pada bulan Jun dan Disember setiap tahun.

### Tindakan Pihak Sekolah



**Mengambil Maklum** | **Membuat Perancangan** | **Menyelaraskan Permohonan**

Sekolah dikehendaki mengambil maklum, membuat perancangan, dan menyelaraskan permohonan penempatan baharu.

## Keutamaan Program Pendidikan Inklusif Penuh (PPI)

### Mengutamakan Pendidikan Inklusif Penuh

Sekolah digalakkan untuk menempatkan MBPK yang layak dalam Program Pendidikan Inklusif Penuh.



### Membangun Potensi Diri Murid



Tujuannya adalah untuk membina potensi diri MBPK dalam persekitaran yang inklusif dan holistik.

### Kerjasama Demi Pendidikan Inklusif

Kerjasama semua pihak amat dihargai dalam memperkukuh pelaksanaan pendidikan inklusif ini.



NotebookLM

# JAWATANKUASA PENDIDIKAN KHAS SEKOLAH

# ( J P K S )

# ISI KANDUNGAN

- Surat Siaran Penubuhan JPKS oleh JPN Johor
- Surat Siaran Penubuhan JPKS oleh PPD Muar
- Bahan Rujukan Penubuhan JPKS bagi sekolah yang mempunyai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)
- Carta Organisasi JPKS Rendah/Menengah
- Surat Pelantikan JPKS
- Peranan/Fungsi JPKS

# Surat Siaran Penubuhan JPKS oleh JPN Johor

**Ruj.kami : JPNJ.600-8/2/8(92) bertarikh 3 April 2026**
**Penubuhan Jawatankuasa Pendidikan Khas Sekolah (JPKS) Bagi Sekolah-Sekolah Yang Mempunyai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)**


KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak
80604, Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim

Telefon : 07-231 0000
Pengarah : 07-231 0198
Timbalan : 07-231 0191
Faks : 07-234 7132
Laman Web : www.jpnjohor.moe.gov.my
E-mel : jpn.johor@moe.gov.my


Ruj. Kami : JPNJ.600-8/2/8 ( 92 )
Tarikh : 3 April 2026

TERIMA 07 APR 2026 Pejabat Pendidikan Daerah Muar, Johor

Hj. Johan
En. Fairus

Pengetua / Guru Besar
Sekolah-sekolah Negeri Johor

Tuan,

**PENUBUHAN JAWATANKUASA PENDIDIKAN KHAS SEKOLAH (JPKS) BAGI SEKOLAH-SEKOLAH YANG MEMPUNYAI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS (MBPK)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Sektor Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri Johor bertanggungjawab memastikan sekolah-sekolah yang mempunyai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) menubuhkan Jawatankuasa Pendidikan Khas Sekolah (JPKS).

3. Sehubungan dengan itu, jika **sekolah tuan mempunyai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK), pihak tuan perlulah menubuhkan Jawatankuasa Pendidikan Khas Sekolah (JPKS)** berdasarkan Buku Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif (PPI) Murid Berkeperluan Khas (MBK) edisi 2018 oleh Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan.

4. Dilampirkan Bersama-sama surat ini, kod QR untuk bahan rujukan berkaitan Program Pendidikan Inklusif dan Penubuhan JPKS. Pihak tuan juga boleh merujuk berkaitan perkara ini kepada Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Pendidikan Khas di Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing.

5. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Puan Norhariadeka binti Tumirun, Penolong Pengarah, Sektor Pendidikan Khas, di talian 07-2310000 samb.1078 atau e-mel adeka@moe.gov.my. Segala kerjasama dan perhatian daripada tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ZULKURNAIN BIN ABDUL RAHMAN)**
Pengarah Pendidikan Negeri Johor
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

1- Hj Johan.
2- En Fairus

Tuan / Puan / ....................

| | |
|---|---|
| Sila Hadir Wakil Saya | |
| Sila Uruskan | ✓ |
| Sila Ambil Tindakan | |
| Sila Bincangkan | |
| Sila Sampaikan | |
| Sila Maklumkan | |
| Untuk Makluman | |
| Sila Jumpa Saya | |
| Sila Jawab Terus | |
| Sila Failkan | |

Tandatangan : ..............
Tarikh : 7/4/2026

CS Scanned with CamScanner

# Surat Siaran Penubuhan JPKS oleh PPD Muar

**Ruj.kami : PPDMUR.600-2/5/1(45) bertarikh 9 April 2026**
**Penubuhan Jawatankuasa Pendidikan Khas Sekolah (JPKS) Bagi Sekolah-Sekolah Yang Mempunyai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)**


KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Pejabat Pendidikan Daerah Muar
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
JKR 242, Jalan Arab
84000 Muar, Johor Darul Ta'zim

Tel. : 06 – 9511780
Faks : 06 – 9511590
E-mel : ppd_muar@moe.gov.my
Web : www.ppdmuar.my


Ruj Kami : PPDMUR.600-2/5/1(45)
Tarikh : 9 April 2026

Pengetua / Guru Besar,
Sekolah-sekolah Daerah Muar.

Tuan,

**PENUBUHAN JAWATANKUASA PENDIDIKAN KHAS SEKOLAH (JPKS) BAGI SEKOLAH-SEKOLAH YANG MEMPUNYAI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS (MBPK)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat dari Jabatan Pendidikan Negeri Johor bertarikh 3 April 2026 rujukan JPNJ.600-8/2/8 (92) dilampirkan bersama.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Pendidikan Khas, Sektor Pembelajaran, Pejabat Pendidikan Daerah Muar bertanggungjawab memastikan sekolah-sekolah dalam daerah Muar yang mempunyai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) menubuhkan Jawatankuasa Pendidikan Khas (JPKS).

3. Justeru itu, jika **sekolah tuan mempunyai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK), pihak tuan perlulah menubuhkan Jawatankuasa Pendidikan Khas Sekolah (JPKS)** berdasarkan Buku Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif (PPI) Murid Berkeperluan Khas (MBK) edisi 2018 oleh Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan.

4. Sebarang pertanyaan sila hubungi Tuan Haji Mohd Johan bin A. Rahman / Encik Mohamed Fairus bin Mohamed Ehsan (Penolong PPD Pendidikan Khas) ditalian 06-9511780. Kerjasama dan perhatian tuan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**RAHMAN @ ABDUL RAHMAN BIN SELAMAT**
Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Muar

Sk.Fail

Bahan Rujukan Penubuhan JPKS bagi sekolah-sekolah yang mempunyai
Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)

JPNJ.600-8/2/8 ( 92)

LAMPIRAN

**BAHAN RUJUKAN PENUBUHAN JAWATANKUASA PENDIDIKAN KHAS SEKOLAH (JPKS) BAGI SEKOLAH-SEKOLAH YANG MEMPUNYAI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS (MBPK)**

**QR CODE BAHAN JPKS**

# CARTA ORGANISASI JPKS




## MENENGAH




## RENDAH

# SURAT PELANTIKAN JPKS

## LAMPIRAN A1-PPI/MH/2018/JPKS/01

CONTOH

**LAMPIRAN A1**
**PPI/MH/2018/JPKS/01**

LOGO DAN NAMA SEKOLAH

TEL:
FAKS:
E-MEL:

Ruj. Kami :
Tarikh :

_*Nama dan alamat*_

______________________

Tuan/Puan,

**SURAT PELANTIKAN SEBAGAI JAWATANKUASA PENDIDIKAN KHAS SEKOLAH (JPKS)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, tuan/puan ______*nama*______ telah dilantik sebagai **Jawatankuasa Pendidikan Khas Sekolah (JPKS).**

3. Sehubungan dengan itu, tuan/puan diminta hadir ke **Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Khas Sekolah (JPKS) Bil.** __________ pada ketetapan berikut:

Tarikh :
Masa :
Tempat :

Kerjasama dan perhatian tuan/ puan amat diharapkan dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

______________________

**(PENGETUA/ GURU BESAR)**

s.k: 1. Fail Sekolah
2. Fail PPKI
3. Fail PPI

# PERANAN/FUNGSI JPKS

1. Mengurus dan menyediakan sokongan kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK).
2. Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif (PPI) .
3. Mencadangkan kelas yang sesuai mengikut tahap keupayaan murid
4. Menentukan penempatan MBPK ke kelas Inklusif.
5. Memperakukan dan mengesahkan Laporan Penilaian Tempoh Percubaan tidak melebihi tiga bulan bagi menentukan kesesuaian penempatan MBPK mengikuti pendidikan khas.
6. JPKS hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau pada bila-bila masa ikut keperluan.

**Pendidikan MBPK bukan sekadar tanggungjawab kelas PPKI semata-mata.**

**Ia adalah mandat dan tanggungjawab bersama seluruh warga pendidik, demi sebuah ekosistem pendidikan yang inklusif, terangkum, dan manusiawi menjelang 2035.**

Transformasi Bermula Dengan Pemimpin.

# TERIMA KASIH